



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 06/2017

Rujukan : Bil (12) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

29 November 2017

Setiausaha Bandaraya
Pengarah-Pengarah Kanan
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Pembantu Tadbir Kewangan PTJ
Majlis Bandaraya Ipoh

PEMANTAUAN KUASA MELULUS PERBELANJAAN DAN PEROLEHAN MAJLIS

Adalah saya dengan hormatnya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa Arahan Kewangan Bil 01/2016 bertarikh 29 Januari 2016 berkenaan had kuasa melulus perbelanjaan dan perolehan Majlis adalah berkaitan.
3. Kuasa melulus perbelanjaan dan menandatangani Permohonan Pembelian (MBI 2/86) tidak boleh diturunkan kepada pegawai yang memangku / menanggung kerja dan perlu dibawa kepada Kuasa Melulus yang lebih tinggi kecuali Y.Bhg. Datuk Bandar telah menurunkan kuasa meluluskan perbelanjaan kepada pegawai berkenaan. Prosedur ini juga digunapakai pada semua permohonan yang melibatkan kelulusan kewangan iaitu tuntutan lebih masa, tuntutan perjalanan dan bayaran kontrak.
4. Adalah dipohon kerjasama dari semua Ketua Jabatan memastikan prosedur kuasa melulus ini dipatuhi. Sebarang pengecualian bagi Arahan Kewangan ini perlu mendapat kelulusan saya selaku Pegawai Pengawal dan permohonan pengecualian perlu disertakan dengan justifikasi lengkap dan alasan yang munasabah.
5. Adalah diharapkan dengan penambahbaikan ini, ianya dapat memastikan pematuhan kepada prosedur perolehan dilaksanakan dengan betul serta bagi mengelakkan teguran audit pada masa hadapan.

ARAHAN KEWANGAN BIL. 06/2017


Rujukan : Bil (12) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

PEMANTAUAN KUASA MELULUS PERBELANJAAN DAN PEROLEHAN MAJLIS

6. Pelaksanaan Arahkan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU"



(DATO' ZAMRI BIN MAN)
Datuk Bandar Ipoh

"LESTARIKAN INOVASI, LUHURKAN INTEGRITI"